

D.R. 6/90

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Levi Kenderaan
Barang-Barang 1983.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dull Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Levi Kenderaan Barang-Barang (Pindaan) 1990. Tajuk ringkas.

2. Seksyen 2 Akta Levi Kenderaan Barang-Barang 1983, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 2. Akta 294.

(a) dengan menggantikan noktah di hujung takrif "Ketua Pengarah" dengan koma bertitik; dan

(b) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif "Ketua Pengarah", takrif baru yang berikut:

Akta 235. "pegawai kastam yang hak" hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberi kepada ungkapan itu dalam Akta Kastam 1967.'..

Pindaan
seksyen 3.

3. (1) Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "suatu levi" dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan "sebanyak satu ratusringgit"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "menetapkan amaun yang hendak dilevikan di bawah Akta ini dan boleh, dari semasa ke semasa, meminda amaun tersebut" dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "mengubah, dari semasa ke semasa, amaun levi kenderaan barang-barang yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1)",

(2) Segala levi kenderaan barang-barang yang dikenakan dan dilevikan di bawah Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini adalah dengan ini menjadi sah dan disifatkan sebagai telah dikenakan dan dilevikan menurut undang-undang menurut subseksyen (1) seksyen 3 Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh subseksyen (1) (a) seksyen ini, seolah-olah subseksyen (1) (a) tersebut telah berkuatkuasa semasa levi itu dikenakan dan dilevikan.

Pindaan
seksyen 4.

4. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda dengan menomborkannya semula sebagai "4. (1)" dan memasukkan selepas itu, subseksyen baru (2) yang berikut;

"(2) Menteri boleh, jika dia berpuas hati bahawa adalah adil dan wajar berbuat demikian, dalam hal mana-mana kenderaan barang-barang atau kelas kenderaan barang-barang yang tertentu, mengarahkan dibayar balik kesemua atau apa-apa bahagian levi kenderaan barang-barang yang dibayar menurut subseksyen (4) seksyen 3 dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukannya dalam arahan itu, dan, dalam mengarahkan pembayaran balik itu, mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut."

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 4, seksyen baru 4A yang berikut: Seksyen baru 4A.

"Pemulangan levi kenderaan barang-barang yang telah lebih bayar atau tersalah bayar. 4A. Adalah sah di sisi undang-undang bagi Ketua Pengarah, jika dibuktikan dengan memuaskan hatinya bahawa apa-apa wang telah terlebih bayar atau tersalah bayar sebagai levi kenderaan barang-barang di bawah Akta ini, mengarahkan supaya wang yang telah terlebih bayar atau tersalah bayar itu dibayar balik:

Dengan syarat bahawa pembayaran balik demikian tidaklah boleh dibenarkan melainkan suatu tuntutan berkenaan dengannya dibuat dalam masa satu tahun selepas pembayaran lebih atau pembayaran salah itu dibuat."

6. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) seksyen 7 dengan subseksyen baru (2) yang berikut: Pindaan seksyen 7.

Aku23s. "(2) Mana-mana pegawai kastam yang hak hendaklah, sebagai tambahan kepada tugas-tugas dan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kastam 1967, mempunyai segala tugas dan kuasa untuk menguatkuasakan dan memastikan pematuhan wajar akan peruntukan-peruntukan Akta ini, termasuk melakukan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Levi Kenderaan Barang-Barang 1983 (Kemudian dari ini disebut "Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan mentakrifkan "pegawai kastam yang hak" sebagai mempunyai erti yang sama yang diberikan pada istilah itu dalam Akta Kastam 1967.
3. *Fasal 3* bertujuan menjadikan sah dan menurut undang-undang pengutipan levi-levi kenderaan barang-barang sebanyak satu ratus ringgit bagi tiap-tiap kenderaan barang-barang yang telah dibuat sejak 1hb Januari 1984 menurut suatu Perintah dalam tahun 1983 yang disebabkan oleh kesilapan telah tidak dibentangkan dalam mesyuarat Dewan Rakyat sebagaimana yang dikehendaki. Dengan itu Perintah tersebut terhenti berkuatkuasa. *Fasal 3* juga bertujuan menetapkan amaun levi kenderaan barang-barang di dalam Akta sebanyak satu ratus ringgit dan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengubah amaun levi itu dari semasa ke semasa.
4. *Fasal 4* bertujuan memasukkan satu subseksyen baru (2), yang memberi kuasa kepada Menteri untuk mengarahkan pembayaran balik apa-apa levi yang telah dibayar berkenaan dengan mana-mana kenderaan barang-barang atau kelas kenderaan barang-barang yang tertentu.
5. *Fasal 5* bertujuan memasukkan satu seksyen baru 4A ke dalam Akta yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk memerintahkan pembayaran balik apa-apa wang yang dipungut sebagai levi kenderaan barang-barang, jika dia berpuas hati bahawa wang itu telah terlebih dibayar atau tersalah dibayar dan jika suatu tuntutan dibuat dalam masa satu tahun selepas pembayaran itu dibuat.
6. *Fasal 6* bertujuan menggantikan subseksyen (2) seksyen 7 Akta dengan subseksyen (2) yang baru. Pada masa ini, pegawai-pegawai yang dikehendaki menguatkuasakan dan memastikan pematuhan wajar Akta dikehendaki ditetapkan melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Sebenarnya pegawai-pegawai ini adalah pegawai-pegawai kastam yang dilantik di bawah Akta Kastam 1967 untuk menjalankan tugas-tugas mereka sebagai tambahan kepada tugas-tugas mereka di bawah Akta 1967 itu. Prosesewartakan pegawai-pegawai kastam ini khusus bagi maksud Akta ternyata tidak praktikal. Dengan itu pindaan yang dicadangkan bertujuan menghapuskan proses itu dan memberi pegawai-pegawai itu tugas-tugas dan kuasa-kuasa yang perlu di bawah Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1459.]